PM Anwar Pesan Jangan Buang Pelajar Terlibat Perhimpunan Aman Gempur Rasuah 2.0 - Zambry

24/06/2025 06:09 PM

Datuk Seri Dr Zambry Abdul Kadir

KOTA KINABALU, 24 Jun (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim berpesan supaya Universiti Malaysia Sabah (UMS) tidak mengambil tindakan membuang pelajar yang terlibat dalam Perhimpunan Aman Gempur Rasuah Sabah 2.0, baru-baru ini.

Menteri Pendidikan Tinggi Datuk Seri Dr Zambry Abdul Kadir berkata pesanan kepada pihak universiti itu disampaikan bagi memastikan tindakan yang diambil tidak menjejaskan masa depan pelajar terlibat, khususnya peluang mereka untuk menamatkan pengajian di UMS.

"Sebentar tadi Perdana Menteri menelefon saya dan kami berbincang, dan beliau berpesan supaya pelajar UMS yang terlibat dalam insiden baru-baru ini, tidak dibuang universiti. Bagi YAB PM, mereka mungkin membuat kesilapan tetapi masa depan dan pengajian mereka jauh lebih penting dan perlu diutamakan.

"Ini adalah keprihatinan Perdana Menteri, meskipun dalam konteks di sini di kampus itu ada peraturannya, meskipun beliau menjadi sasaran utama, beliau telah memaklumkan kepada saya untuk menyampaikan kepada universiti mengenai harapan beliau untuk tidak buang pelajar berkenaan," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menghadiri program "In Person With Doc Zam" sempena Seminar Kenegaraan Malaysia MADANI di UMS di sini hari ini.

Semalam, Pesuruhjaya Polis Sabah Datuk Jauteh Dikun dilaporkan berkata peserta perhimpunan itu disiasat atas sembilan kesalahan antaranya menghasut, pembakaran terbuka di tempat awam, membawa bahan kakisan berbahaya dan menyentuh isu sensitif melibatkan raja, agama serta kaum atau 3R.

Perhimpunan pada Sabtu lepas (21 Jun) itu anjuran kumpulan Suara Mahasiswa UMS antara lain berarak sekitar bandar raya

Sabah seperti rasuah dan bekalan air selain membakar karikatur Anwar.

Naib Canselor UMS Prof Datuk Dr Kasim Mansor dilaporkan berkata 13 pelajar UMS dikenal pasti terlibat dalam perhimpunan itu berkemungkinan berdepan tindakan tatatertib termasuk penggantungan atau dibuang universiti mengikut Akta Universiti dan Kolej Universiti (Pindaan) 2012 (AUKU).

Mengulas lanjut, Zambry berkata hak untuk rakyat Malaysia dan juga pelajar untuk mengadakan sebarang bentuk perhimpunan telah termaktub dalam Perlembagaan Malaysia.

"Namun, dalam masa yang sama ia juga tertakluk kepada peraturan dan undang-undang sedia ada. Sama ada undang-undang yang berkaitan dengan ketenteraan awam, keselamatan awam dan sebagainya," katanya.

Beliau berkata pihak UMS telah memberikan maklumat dan taklimat mengenai isu itu kepadanya, sehubungan dengan itu pihak kementerian menyerahkan kepada universiti untuk mengambil tindakan berdasarkan kepada peraturan sedia ada.

-- BERNAMA

BERNAMA menyediakan informasi dan berita terkini yang sahih dan komprehensif yang disebarkan melalui Wires BERNAMA; www.bernama.com; BERNAMA TV di saluran Astro 502, unifi TV 631 dan MYTV 121 dan Radio BERNAMA di frekuensi FM93.9 (Lembah Klang), FM107.5 (Johor Bahru), FM107.9 (Kota Kinabalu) dan FM100.9 (Kuching).

Ikuti kami di media sosial :
Facebook : @bernamaofficial, @bernamatv, @bernamaradio
Twitter : @bernama.com, @BernamaTV, @bernamaradio
Instagram : @bernamaofficial, @bernamatvofficial, @bernamaradiooofficial
TikTok : @bernamaofficial

KATA KUNCI

sabah | perhimpunan | ums | dr zambry abdul kadir | tindakan

BERITA BERKAITAN

Mufti Melaka Nasihat Semua Pihak Tidak Salah Guna Doa, Qunut Nazilah

5jam lalu

KUSKOP Naik Taraf 39 Tamu Desa Di Sarawak Libat Peruntukan Lebih RM7.85 Juta

6jam lalu

NAFAS Perkukuh Jaringan Industri Agromakanan Sabah Di HPPNK 2025

8jam lalu

LAGI BERITA

Izzat Shameer Dan Li Jane Dipilih Olahragawan, Olahragawati Perak

1minit lalu

Perdana Menteri Vietnam, Malaysia Bincang Isu Serantau, Hubungan Dua Hala Menerusi Panggilan Telefon

6minit lalu

ATM Sertai Lawatan Diplomatik Ketenteraan Di Sempadan Kemboja-Thailand

5minit lalu

BERNAMA

Pertubuhan Berita Nasional Malaysia

Wisma BERNAMA
No.28 Jalan BERNAMA
Off Jalan Tun Razak
50400 Kuala Lumpur
Malaysia

[klik di sini]
helpdesk[at]bernama.com

• Kerjaya@BERNAMA
• Sebut Harga / Tender
• Maklum Balas Pelanggan 2025

© 2025 BERNAMA • Penafian • Dasar Privasi • Dasar Keselamatan